



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**PROGRAM : PERASMIAN & PELEPASAN KEMBARA
PENGGUNA DAN PENIAGA KPDNHEP
SELANGOR TAHUN 2020 BERSEMPENA
KBBM DAN PJM**

TARIKH : 13 SEPTEMBER 2020 (AHAD)

**TEMPAT : STESEN PETRONAS TEMASYA,
LEBUHRAYA PERSEKUTUAN**

SALUTASI

Assalamualaikum, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia saudara pengacara majlis

Yang Berusaha Dr. Alauddin Bin Sidal

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berusaha Encik Muhamad Zikril Azan Bin Abdullah

Pengarah
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor

Yang Berusaha Encik Azrul Osman Rani

Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan
Petronas Dagangan Berhad

Yang Berusaha Encik Khalil Muri

Ketua Perniagaan Runcit
Petronas Dagangan Berhad

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian

Pegawai-Pegawai Kanan Petronas Dagangan Berhad

Para peserta kembara

Barisan urusetia

Usahawan-Usahawan PKS Tempatan

Rakan-Rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian

Pendahuluan

1. Pertama sekali saya mengucapkan syukur kerana dapat kita berkumpul bersama-sama untuk menghadiri Majlis Perasmian dan Pelepasan Kembara Pengguna dan Peniaga KPDNHEP Selangor Tahun 2020 Bersempena dengan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) bertempat di Stesen Petronas Temasya, Federal Highway pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak PETRONAS dan KPDNHEP Selangor yang telah memberikan sepenuh komitmen

bagi memastikan program pada hari ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kempen Beli Barangan Malaysia atau nama singkatannya KBBM ini merupakan sebuah inisiatif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan sejak tahun 1984 dan telah diberikan tanggungjawab untuk dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). KBBM ini diwujudkan dengan tujuan untuk memperkukuh perbelanjaan domestik dengan menggalakkan pengguna di Malaysia untuk membeli barangan tempatan. Di samping itu juga, ianya dapat memupuk semangat patriotisme rakyat Malaysia bagi mengutamakan barangan keluaran tempatan.

4. Langkah kerajaan bagi memperkasakan KBBM tahun ini merupakan langkah yang sangat tepat untuk mengimbangi cabaran ekonomi semasa yang terjejas ketika pelaksanaan PKP. Langkah ini perlu bagi merangsang dan merencanakan pertumbuhan ekonomi domestik sekali gus meningkatkan kesedaran para pengguna tentang kewujudan produk tempatan serta menggalakkan pembeliannya.

5. Dengan memupuk kesedaran dan penghargaan kepada produk tempatan, kempen ini secara langsung juga dapat membantu pengusaha tempatan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam mengembangkan perniagaan mereka. Untuk makluman hadirin sekalian, sektor PKS telah dikenalpasti sebagai salah satu pemangkin utama dalam pertumbuhan ekonomi negara. Menurut statistik yang telah dikeluarkan oleh SME Corp dan Jabatan Perangkaan Malaysia, sumbangan PKS kepada ekonomi terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara terus berkembang pada tahun 2019 meskipun persekitaran dalam negeri dan global adalah mencabar. Berdasarkan data terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sumbangan PKS kepada keseluruhan KDNK telah meningkat kepada 38.9% pada tahun 2019 berbanding 38.3% yang dicatatkan pada tahun 2018.

6. Jumlah ini merupakan satu peratusan yang signifikan kepada negara kita dan ini membuktikan bahawa produk-produk tempatan mempunyai peranan yang begitu besar kepada ekonomi negara dan dijangka akan terus menyumbang kepada peningkatan peratusan KDNK Malaysia pada tahun-tahun akan datang. Ini membuktikan peranan PKS sebagai tonggak ekonomi negara yang

penting yang berupaya menyediakan peluang pekerjaan dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Pelbagai strategi telah diperkenalkan dalam usaha untuk membawa produk-produk PKS tempatan ke dalam sektor peruncitan. Tidak hanya berkolaborasi dengan syarikat-syarikat peruncitan utama negara malah Kementerian juga turut menerima kerjasama yang sangat erat daripada pasar raya, kedai serbaneka dan rangkaian kedai syarikat minyak di seluruh negara. Kementerian mengambil pendekatan polisi buka pintu bagi menambah baik KBBM untuk memastikan kempen ini terus memberi manfaat khususnya kepada pengusaha PKS tempatan memperluaskan pasaran bagi produk keluaran mereka.

8. Oleh yang demikian, Kementerian sangat menghargai sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak PETRONAS Dagangan Berhad yang telah memberikan komitmen dalam membantu menjayakan inisiatif KBBM ini. Jika pada 8 September 2020 yang lalu, YB Menteri Datuk Alexander Nanta Linggi telah merasmikan KBBM di Petronas Jalan Kolam Ayer Lama dengan tema '*Loves Local*', pada hari ini formatnya adalah

berbeza namun masih berkolaborasi bersama Petronas. KPDNHEP melalui Program Kembara Pengguna dan Peniaga KPDNHEP Selangor Tahun 2020 dirangka sebagai satu platform untuk mendapatkan maklumat asas tentang kesedaran kepenggunaan bagi pengguna dan peniaga terpilih yang berada di kawasan luar bandar dan pada masa yang sama, kembara ini turut akan mempromosikan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM).

9. Kembara ini akan dilaksanakan dalam bentuk jelajah secara berkumpulan (konvoi) dengan penglibatan 12 buah kenderaan yang diletakkan **pelekat khas** bagi mempromosikan KBBM dan PJM ini ke seluruh daerah dalam Negeri Selangor. Pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) turut akan mendokumentariskan program ini secara khusus sepanjang 4 hari tempoh kembara. Bagi mendapatkan maklumat tentang tahap kesedaran pengguna dan peniaga di seluruh daerah di Negeri Selangor, sebanyak 20 tempat kajian (checkpoints) telah ditetapkan dengan jumlah jarak **591 kilometer** secara keseluruhan serta melibatkan lebih satu ribu (1000) responden. Tambah istimewa berkenaan kembara ini adalah ianya akan berakhir pada 16 September bersempena dengan sambutan Hari Malaysia. Ini bertepatan dengan objektif

KBBM kita iaitu memupuk semangat patriotik dengan mengutamakan barangan tempatan.

10. Saya sangat berbesar hati dan menghargai setiap usaha dan kerjasama yang dilakukan PETRONAS ini. Saya turut dimaklumkan bahawa kerjasama di antara KPDNHEP Selangor dan Petronas ini telah wujud sejak beberapa tahun sebelum ini lagi di mana antara program besar yang telah dilaksanakan secara bersama adalah Program Food Bank Malaysia dan Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Negeri Selangor. Sesungguhnya, saya menyambut baik segala langkah dan inisiatif yang telah dilakukan bagi membantu perkembangan pengusaha-pengusaha PKS tempatan dan saya berharap agar ianya akan dapat diikuti oleh syarikat-syarikat minyak di Malaysia yang lainnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Akhir kata, saya berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, rakan-rakan strategik dan pihak industri yang terlibat dalam menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia ini akan terus bersama-sama menyokong kempen ini untuk mencapai objektif yang telah

ditetapkan. Berbelanjalah untuk Malaysia kerana sesungguhnya barang baik itu adalah barang kita.

12. Dengan ini, saya dengan lafaz 'Bismillahi Rahman Ar-Rahim' **merasmikan** program Kembara Pengguna dan Peniaga KPDNHEP Selangor Tahun 2020 Bersempena KBBM dan PJM. Saya doakan keselamatan dan kesejahteraan semua ahli kembara dan semoga selamat sepanjang perjalanan nanti. Mudah-mudahan kita berhasil mencapai objektif kita, Insya-Allah.

Sekian dahulu dari saya.

Assalamualaikum, salam hormat dan terima kasih.